

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. TAN SRI DATUK SERI  
PANGLIMA JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**SOALAN :** YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sama ada ketegangan di antara Vietnam dan China akan menjelaskan perhubungan diplomasi antara Malaysia dan China.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Keningau di atas soalan yang dikemukakan.

2. Menyentuh mengenai insiden-insiden di antara Vietnam dan China di Laut China Selatan, Malaysia mengharapkan sebarang penyelesaian secara damai di antara kedua buah negara jiran berkenaan demi memastikan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan selaras dengan *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) yang ditandatangani oleh negara-negara ASEAN dan China pada 4 November 2002, serta usaha-usaha ke arah merealisasikan Kod Tatalaku di Laut China Selatan dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*.
3. Kerajaan Malaysia juga mengambil maklum bahawa insiden-insiden berkenaan di antara Vietnam dengan China di Laut China Selatan adalah isu dua hala yang sewajarnya perlu diselesaikan sendiri oleh kedua-dua negara tersebut dan ianya tidak akan menjelaskan perhubungan diplomasi di antara Malaysia dan China.
4. Keadaan ini terbukti berdasarkan layanan penuh mesra dan hormat yang telah diberikan oleh Kerajaan China kepada YAB Perdana Menteri semasa lawatan rasmi beliau ke China sempena sambutan ulang tahun ke-40 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

Sekian, terima kasih.